



## KENYATAAN MEDIA

### PENGARAH DARUL QURAN JAKIM

### BERKENAAN

### KONVENSYEN PENDIDIKAN TAHFIZ KEBANGSAAN TAHUN 2018

BERTEMPAT DI HOTEL PUTRA KUALA LUMPUR  
PADA 26 – 28 MAC 2018

---

Konvensyen Pendidikan Tahfiz Kebangsaan Tahun 2018 ini merupakan program yang dianjurkan oleh Darul Quran Jakim dengan kerjasama *Centre of Quranic Research*, Universiti Malaya.

2. Seramai **100** orang peserta terdiri daripada Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri, pensyarah-pensyarah instituti pendidikan al-Quran serta pegawai-pegawai yang berlatar-belakangkan pendidikan tahfiz akan berkampung selama 3 hari di sepanjang konvensyen ini berlangsung. Mereka akan berkongsi pengalaman dengan tokoh-tokoh ilmuwan al-Quran yang akan membentangkan kertas kerja berkaitan isu-isu pendidikan tahfiz al-Quran.
3. Di antara objektif diadakan Konvensyen Pendidikan Tahfiz Kebangsaan Tahun 2018 ini adalah:
  - i. bagi mendapatkan pandangan para peserta konvensyen berkaitan dengan kaedah pengiktirafan serta kawalan kualiti tahfiz di Malaysia.
  - ii. bagi mendapatkan pandangan untuk mewujudkan Majlis Syuyukh (*suatu badan tertinggi terdiri daripada pakar-pakar yang mengiktiraf atau yang mempunyai autoriti untuk mengiktiraf para Huffaz*) yang akan dikendalikan oleh Persatuan Hamalatul Quran Kebangsaan (*persatuan yang menjaga kebajikan dan membela para huffaz*).

---

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan  
Darul Quran Jakim  
Jalan Hamzah, Ampang Pecah  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan

4. Sebanyak sembilan (9) kertas kerja akan dibentangkan sepanjang konvensyen ini berlangsung iaitu:

- i. Kaedah Pengiktirafan Huffaz : Suatu Pengalaman di Negara Mesir
- ii. Kaedah Pengiktirafan Huffaz : Suatu Pengalaman di Negara Turki
- iii. Recognition Of Hafiz Quran: An Experience In Panipati Methods, Pakistan
- iv. Penilaian dan Pengiktirafan Huffaz di Kementerian Pendidikan Malaysia
- v. Trend Masyarakat Terhadap PendidikanTahfiz di Malaysia
- vi. Pengiktirafan Huffaz di Malaysia Satu Cadangan
- vii. Penilaian dan Pengujian Huffaz
- viii. Kaedah Isbath dan Penilaian Huffaz
- ix. Majlis Syuyukh Badan Pengiktiraf Huffaz

5. Bersempena dengan konvensyen kali ini, Darul Quran akan turut mengadakan sesi menandatangani perjanjian antara Jakim dengan Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) dan sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jakim dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

6. Dalam majlis ini juga turut diadakan pelancaran Buku Perkembangan Pendidikan Tahfiz: Darul Quran Perintis Dinamik. Penerbitan buku ini telah memberi makna yang amat signifikan kepada perkembangan pendidikan tahfiz di negara kita. Sorotan khusus melibatkan perkembangan tahfiz di negara kita Malaysia yang ternyata cukup mempunyai nilai sejarah yang amat berharga untuk dijadikan bahan rujukan pada masa akan datang.

7. Selain pelancaran Buku Perkembangan Pendidikan Tahfiz, telah dilancarkan juga Kamus Braille hasil kerjasama antara Darul Quran Jakim dengan Dewan Bahasa & Pustaka. Idea untuk menerbitkan Kamus Braille ini dicetuskan ekoran daripada kekangan pelajar-pelajar program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran kategori OKU Penglihatan untuk menyambung pengajian ke peringkat Diploma memandangkan syarat kemasukan ke Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran Jakim memerlukan sekurang-kurangnya gred C dalam Peperiksaan SPM bagi subjek Bahasa Arab. Dengan penerbitan Kamus Braille ini secara tidak

langsung akan membantu golongan OKU Penglihatan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam bidang Pengajian Islam.

8. Semoga melalui hubungan yang dizahirkan melalui Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ini diharapkan dapat memantapkan serta mengembangkan lagi pendidikan tahfiz dalam negara. Sebagai sebuah institusi pendidikan tahfiz yang terulung di bawah kerajaan persekutuan, **Darul Quran Jakim sentiasa membuka ruang** untuk mana-mana pihak bekerjasama ke arah memartabatkan pendidikan tahfiz di negara ini.

Sekian.

DR. HAJI NORDIN BIN AHMAD

27 Mac 2018